

CNS8299

U GB 18-01 00170 BH778

aab

Parlimen - Tegur

TEGURAN TIGA PERDANA MENTERI TIDAK DIENDAHKAN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Raja-raja tidak mengendahkan teguran yang diberikan oleh ketiga-tiga Perdana Menteri sebelumnya.

Sebenarnya, kata beliau, ketiga-tiga Perdana Menteri dahulu, sebagai penasihat kepada Raja-raja telahpun menegur Raja-raja berkali-kali semasa mereka berkhidmat.

"Saya tahu teguran ini dibuat kerana perkara ini telah dilaporkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri dan juga Majlis Tertinggi UMNO berkali-kali," katanya ketika membentangkan rang undang-undang Perlembagaan (pindaan) 1993 pada persidangan khas Dewan Rakyat hari ini.

Allahyarham Tun Hussein Onn (Perdana Menteri ketiga), pernah dalam ucapan bertulis pada suatu mesyuarat Majlis Raja-raja, yang dihadiri oleh Raja-raja, menegur dengan kerasnya perbuatan Raja yang tidak harus dilakukan.

"Tetapi semua teguran ini tidak berkesan dan perkara-perkara yang disentuh terus dilakukan juga, bahkan ditingkatkan.

"Apa yang tidak pernah dibuat di zaman British dan pada tahun-tahun awalan Malaysia merdeka, dilakukan dengan semakin ketara dan meluas," kata Dr Mahathir.-- Lagi

▼18/01/20-25MST

CNS8301

U GB 18-01 00120 BH779

aab

Parlimen - Tegur 2 Kuala Lumpur

Teguran yang boleh dibuat hanyalah oleh penasihat Raja secara tertutup. Jika teguran ini tidak berkesan tidak ada apa-apa lain yang boleh dibuat, katanya.

Walaupun Perdana Menteri dan Menteri Besar melaporkan kepada Majlis Tertinggi UMNO akan masalah yang dihadapi oleh mereka, tetapi orang ramai tidak diberitahu, katanya.

Justeru itu, kata beliau, orang ramai tidak mengetahui masalah yang dihadapi oleh kerajaan.

Sebahagian besar daripada mereka terus percaya bahawa sistem Raja Berperlembagaan berjalan dengan baik dengan Raja menghormati segala peruntukan dalam Perlembagaan.

Hanya sebilangan kecil daripada rakyat yang mengetahui dan, menurut Perdana Menteri, mereka ini memang tidak senang hati dengan perbuatan Raja-raja.-- Lagi

▼18/01/20-25MST

CNS8302

U GB 18-01 00141 BH780

aab

Parlimen - Tegur 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, kata beliau, Raja tidak mendengar dan tidak percaya kepada penasihat mereka apabila maklumat tentang kegelisahan rakyat disampaikan.

"Tetapi oleh kerana Akta Hasutan dan larangan terhadap mengkritik Raja, Raja dan keluarga diraja nampaknya berpendapat bahawa semua ini adalah ciptaan penasihat-penasihat Raja untuk menakutkan baginda atau untuk merebut hak Raja," kata Dr Mahathir.

Disebabkan itu, kata beliau, kerajaan perlu meminda Akta Hasutan bagi membolehkan Anggota Dewan menegur Raja dalam perbincangan mereka.

Tanpa hak ini, Anggota Dewan tidak akan berjaya mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan tidak akan dapat membuktikan bahawa rakyatlah yang berkuasa dalam sistem ini, katanya.

Dengan menambah Artikel 63 dan 72, Ahli-ahli Dewan bukan sahaja boleh memelihara kedudukan Raja, tetapi institusi Raja Berperlembagaan akan dilindungi oleh Perlembagaan secara jelas. -- Bernama

▼18/01/20-26MST